

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

Pengakuan Seorang Milenial: Kedewasaan Itu Keras

RUUKP 2025: Undang-Undang Kredit Pengguna Baharu, Perlindungan Lebih Luas Untuk Pengguna

Impian Atau Beban? Fahami Kos Sebenarnya Memiliki Kereta Pertama

Perangkap "Rawatan Percuma": Apabila Promosi Kecantikan Menjadi Perangkap Kewangan




"Soft Saving":

TABUNGAN MUDAH UNTUK GENERASI MUDA

ISSN 2180-3684



IMBAS KOD QR
UNTUK MUAT TURUN
MAJALAH RINGGIT



Isi Kandungan


04 *"Soft Saving"*: Tabungan Mudah Untuk Generasi Muda



16 Impian Atau Beban? Fahami Kos Sebenar Memiliki Kereta Pertama



08 Pengakuan Seorang Milenial: Kedewasaan Itu Keras



20 Perangkap "Rawatan Percuma": Apabila Promosi Kecantikan Menjadi Perangkap Kewangan



12 RUUKP 2025: Undang-Undang Kredit Pengguna Baharu, Perlindungan Lebih Luas Untuk Pengguna



Sidang Redaksi

PENASIHAT

Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason

Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang

Dr Saravanan Thambirajah

Editor

Puan Nur Asyikin Aminuddin

Sidang Pengarang

Encik Irwan Iskandar Azharuddin (AKPK)

Puan Maizatul Aqira Ishak

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama antara Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dengan FOMCA.

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia

No. 24, Jalan SS1/22A

47300 Petaling Jaya

Selangor, Malaysia

Tel: +603 7876 4648

Faks: +603 7877 1076

E-mel: fomca@fomca.org.my

Sesawang: www.fomca.org.my

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Tingkat 5 & 6, Menara Aras Raya

Jalan Raja Laut, City Centre

50350 Kuala Lumpur

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tel: +603 2616 7766

Sesawang: www.akpk.org.my

Financial Education Network (FEN)

Sesawang: www.fenetwork.my

Diurus Terbit Oleh

Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)

No. 24, Jalan SS1/22A

47300 Petaling Jaya

Selangor, Malaysia

Tel: +603 7875 2392

E-mel: info@crcc.org.my

Sesawang: www.crcc.org.my

Rakan Kongsi Penerbitan Digital

Wordlabs Global Sdn Bhd

No. 617, Block D, Kelana Square

17, Jalan SS7/26, Kelana Jaya

47301 Petaling Jaya

Selangor, Malaysia

Tel: +603 7886 4933

Fax: +603 7803 0500

E-mel: info@wordlabs.com.my

Sesawang: www.wordlabs.com.my



“Soft Saving”: Tabungan Mudah Untuk Generasi Muda



Dalam landskap kewangan masa kini, Generasi Z — mereka yang lahir antara tahun 1997 hingga 2012 — memperlihatkan cara baharu dalam menguruskan kewangan peribadi. Jika sebelum ini golongan muda sinonim dengan budaya perbelanjaan tinggi dan kurang menabung, kini muncul satu amalan yang semakin mendapat perhatian, iaitu *soft saving*.

Soft saving merujuk kepada amalan menabung secara lebih fleksibel dan tidak terlalu berat, dengan memberi tumpuan kepada keseimbangan antara simpanan dan kualiti hidup. Pendekatan ini menolak pandangan tradisional bahawa menabung bermaksud perlu berkorban sepenuhnya untuk masa

depan, sebaliknya ia menekankan keseimbangan antara kestabilan kewangan dan kesejahteraan diri.

Memahami konsep *Soft Saving*

Secara asasnya, *soft saving* ialah tabiat menyimpan wang dalam jumlah yang kecil dan konsisten tanpa tekanan untuk mencapai sasaran yang besar.

Berdasarkan laporan *RinggitPlus Malaysian Financial Literacy Survey (RMFLS) 2025*, generasi ini didapati semakin kerap menabung, merancang kewangan dan menunjukkan peningkatan dalam pengurusan wang. Kemajuan ini mungkin perlahan, namun ia menandakan perubahan jelas ke arah tabiat kewangan yang lebih baik.

Antara amalan yang popular termasuk:

- Pemindahan wang berjumlah kecil secara automatik ke akaun simpanan setiap minggu atau bulan.
- Menyimpan baki pembelian melalui sistem *round-up* (contohnya, lebih daripada RM9.50 dibundarkan kepada RM10 dan 50 sen dimasukkan ke dalam simpanan).

- Membahagikan simpanan mengikut tujuan tertentu seperti tabung kecemasan, percutian atau hobi.

Pendekatan ini lebih rasional dan sesuai dengan gaya hidup Generasi Z yang menghargai keseimbangan antara tanggungjawab kewangan dan kepuasan hidup.

Faktor pendorong *Soft Saving*



Keadaan ekonomi semasa

Generasi Z membesar dalam era ekonomi yang tidak menentu — dengan kenaikan kos sara hidup, hutang pendidikan dan harga rumah yang tinggi. Hal ini menjadikan mereka lebih realistik dan berhati-hati dalam merancang kewangan. Oleh itu, bagi ramai anak muda, matlamat seperti membeli rumah mungkin kelihatan jauh, lalu mereka memilih untuk menabung bagi tujuan yang lebih dekat dan dapat dinikmati dalam masa terdekat.

Kesejahteraan mental

Disiplin kewangan yang keterlaluan boleh menjejaskan kesihatan mental. Oleh itu, *soft saving* memberi ruang kepada individu untuk berasa lebih tenang dan tidak terbeban. Mereka tetap menabung, tetapi tidak sehingga menafikan hak diri untuk menikmati kehidupan seharian.



Pengaruh teknologi dan aplikasi kewangan

Kebangkitan aplikasi kewangan seperti dompet digital dan platform tabungan automatik memudahkan amalan *soft saving*. Ramai Gen Z menggunakan aplikasi yang memindahkan wang berjumlah kecil ke akaun simpanan secara automatik, menjadikan tabiat ini lebih mudah dan tidak membebankan.

ALAT DIGITAL

KINI MENGUBAH CARA RAKYAT MALAYSIA MENABUNG

Aplikasi pengurusan bajet dan ciri penjimatan automatik memudahkan mereka untuk kekal konsisten dan menjejak setiap ringgit.



Kelebihan dan risiko *Soft Saving*



Kelebihan:

- Menggalakkan tabiat menabung sebaik melangkah ke dunia pekerjaan.
- Menyeimbangi kestabilan kewangan (disiplin) dengan kesihatan mental (fleksibiliti).
- Memudahkan individu muda menguruskan keutamaan kewangan mengikut kemampuan.



Risiko:

- Tanpa perancangan jangka panjang, jumlah simpanan mungkin tidak mencukupi untuk keperluan yang besar seperti pembelian rumah atau persaraan.
- Penekanan berlebihan terhadap keseronokan jangka pendek boleh menyebabkan tabungan jangka panjang terabai.
- Kebergantungan terhadap aplikasi tanpa pemahaman kewangan boleh menyebabkan kecuaian dalam membuat keputusan kewangan.

Cadangan untuk generasi muda

- Mulakan dengan tabungan asas. Wujudkan dana kecemasan sekurang-kurangnya bersamaan dua hingga tiga bulan gaji.
- Gunakan automasi yang berjadual dengan menetapkan pemindahan automatik ke akaun simpanan.
- Tetapkan matlamat berperingkat, iaitu simpanan jangka pendek (percutian, hobi) dan jangka panjang (pembelian rumah, persaraan).
- Pilih aplikasi berlesen dengan ciri keselamatan kewangan yang kukuh.
- Dapatkan pendidikan kewangan. Fahami konsep faedah berganda, inflasi dan kepentingan pelaburan agar tabungan memberikan pulangan jangka panjang.



Kesimpulan

Soft saving bukan sekadar trend, tetapi refleksi daripada perubahan nilai dan realiti kewangan masa kini. Ia menandakan evolusi cara berfikir Generasi Z yang mahu menyeimbangi keperluan masa depan dengan kepentingan masa kini. Walaupun pendekatan ini lebih santai, disiplin tetap menjadi asas utama tabungan. Bagi Generasi Z, mesej yang perlu dihayati ialah: Simpanan yang kecil tetapi konsisten adalah lebih baik daripada tiada simpanan langsung. Dengan kesedaran kewangan, penggunaan teknologi yang bijak dan disiplin diri, *soft saving* berpotensi menjadi strategi kewangan lestari yang sesuai dengan gaya hidup moden.

Pengakuan Seorang Milenial: Kedewasaan Itu Keras

Salam sejahtera,

Ini mungkin kisah yang dialami oleh sebahagian besar golongan milenial di Malaysia. Di mata masyarakat, kami dianggap berpendidikan, celik digital dan kelihatan bersedia menuju kejayaan. Namun, pada hakikatnya, ramai anak muda sedang bergelut dalam senyap dan tenggelam dalam hutang. Ini bukanlah hutang untuk mengejar kemewahan, tetapi sekadar usaha mengekalkan kehidupan yang biasa dalam keadaan ekonomi semasa. Mereka sering mengatakan bahawa kedewasaan datang secara tiba-tiba. Bagi saya, kedewasaan hadir seolah-olah 'merompak' akaun bank secara mendadak, meninggalkan timbunan komitmen yang menuntut perhatian setiap bulan.



PTPTN

Dahulu, pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dianggap satu tuah yang membuka peluang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi. Namun hari ini, ia menjadi komitmen yang perlu dilangsaikan secara berterusan. Setiap bulan, saya menerima peringatan bahawa bayaran balik ini bukan sekadar untuk melangsaikan pinjaman pendidikan, tetapi juga tanggungjawab terhadap generasi masa depan.

Saya berasa sedikit lega kerana rakan-rakan lain juga berada dalam situasi yang sama. Kami sering berkongsi pengalaman tentang cara mengurus bayaran, meskipun kadangkala kecenderungannya lebih kepada menangguhkan bayaran sehingga hubungan dengan hutang menjadi tidak sihat.

Saya tetap berusaha agar konsisten membuat bayaran. Namun, mengimbangi komitmen pinjaman ini dengan bayaran sewa, makan minum dan keperluan harian bukanlah sesuatu yang mudah.

BNPL

Pelan *Buy Now Pay Later* (BNPL) pula ibarat tawaran manis yang menyenangkan pada pandangan pertama. Ia bermula dengan sepasang kasut mahal yang saya beli bagi menghadiri satu temu duga yang itu tidak membuahkan hasil dan kasut tersebut hanya dipakai sekali, tetapi bayaran bulanannya masih berjalan.

Kemudahan BNPL membuatkan godaan menjadi kerap — gajet untuk melancong, hadiah hari jadi dan pelbagai barangan kecil lain. Namun keseronokan itu tidak bertahan lama apabila saya menyedari bahawa saya terikat dengan ansuran selama beberapa bulan. Dalam situasi tertentu, ia seolah-olah bukannya “beli sekarang, bayar kemudian”, tetapi lebih kepada “beli sekarang, sakit kemudian”.

**Kad kredit**

Kad kredit yang kelihatan seperti simbol kematangan pada mulanya akhirnya menjadi cabaran kewangan yang besar. Saya berasa yakin ketika mula memilikinya, tetapi kemudian menyedari bahawa bayaran minimum cuma mengurangkan sedikit sahaja faedah tanpa mengusik jumlah pokok yang tertunggak. Itulah kesan faedah kompaun, yang boleh menjerat jika tidak diurus dengan baik.

Ironinya, saya juga tidak pasti apa sebenarnya yang telah saya beli sehingga jumlah bayarannya meningkat. Mungkin perbelanjaan kecil yang tidak disedari, tetapi kesannya tetap besar. Kad kredit kini seolah-olah menjadi “teman gaduh” dalam kehidupan kewangan saya — berguna, tetapi kadang-kadang menjengkelkan.

Ansuran telefon


Sebuah telefon pintar pula boleh diibaratkan sebagai komitmen yang 'memiliki' saya. Saya membelinya melalui pelan ansuran 24 bulan kerana pembelian tunai bukanlah pilihan realistik dalam keadaan ekonomi semasa. Setiap bulan, sebahagian gaji saya diperuntukkan untuk memiliki peranti yang selalu digunakan untuk menatal skrin tanpa henti (*doomscrolling*) dalam resolusi tinggi. Ia bukan sekadar telefon, tetapi komitmen kewangan jangka panjang yang terpaksa diterima.

**Baki duit digital RM3.42**

Kehabisan wang dalam bentuk digital pula membawa cabaran tersendiri. Baki dompet digital saya berjumlah RM3.42 dan tidak berubah selama tiga bulan, seakan-akan mengejek dari kejauhan. Jumlah itu terlalu kecil untuk digunakan tetapi cukup besar untuk membuatkan saya berasa terganggu. Setiap kali ingin menambah nilai, saya menangguhkannya dan akhirnya terlupa, seolah-olah mengharapkan baki itu bertambah dengan sendirinya.

Cinta

Dalam hubungan pula, ada hakikat yang jarang diberitahu kepada golongan muda: Pada usia 20-an, 'orang ketiga' dalam sesebuah hubungan selalunya ialah hutang. Saya tidak keberatan untuk membayar semuanya, tetapi kadangkala kewangan saya tidak mengizinkan untuk membayar secara tunai. Dengan pelbagai komitmen seperti langganan yang belum diselesaikan, jualan dalam talian yang menggoda dan bil yang hampir tertunggak, hubungan yang saling berkongsi perbelanjaan memang satu anugerah. Namun tidak semua orang bertuah — saya tidak.



Akhirnya saya pasrah

Kedewasaan terasa seperti projek kumpulan yang tidak pernah berakhir. Bil-bil pula ibarat rakan sepasukan yang tidak melaksanakan tanggungjawab, menyebabkan tekanan yang berpanjangan. Pada satu tahap, saya menyedari bahawa berpura-pura 'baik-baik sahaja' tidak akan menyelesaikan masalah, dan meminta bantuan boleh menjadi titik perubahan.

Akhirnya, saya mendapatkan khidmat nasihat AKPK. Dengan rasa segan, saya menjelaskan bagaimana saya terjebak dalam kekacauan kewangan pada usia muda. Walaupun perjalanan ini masih panjang, saya kini berada pada landasan yang betul. Hutang saya kini dipantau dengan lebih sistematik dan tidak lagi menghantui saya. Malah, saya mempelajari banyak perkara penting tentang pengurusan kewangan, dan akhirnya dapat bernafas dengan lebih lega.

Yang benar,

Seorang milenial Malaysia yang pernah 'gagal', tetapi kini punya harapan



RUUKP 2025: UNDANG-UNDANG KREDIT PENGGUNA BAHARU, PERLINDUNGAN LEBIH LUAS UNTUK PENGGUNA

DALAM dunia kewangan moden ini, kehidupan pengguna menjadi semakin mudah apabila kaedah berhutang baharu telah diperkenalkan, iaitu *Buy Now Pay Later (BNPL)*. Kaedah ini lebih memudahkan pengguna kerana penyedia perkhidmatan *BNPL* tidak perlu meneliti rekod kredit pengguna seperti yang diamalkan oleh institusi kewangan. Namun, di sebalik kemudahan ini, ramai pengguna masih terdedah kepada risiko caj tersembunyi, syarat tidak adil dan amalan kutipan hutang yang tidak beretika.

Untuk menangani isu ini, kerajaan Malaysia memperkenalkan Rang Undang-Undang Kredit Pengguna 2025 (RUUKP 2025) dan telah diluluskan oleh Parlimen pada September 2025. Ia dijangka akan diwartakan sebelum akhir tahun.

Akta ini menjadi payung utama kepada pelbagai bentuk perkhidmatan kredit pengguna yang sebelum ini tidak tertakluk kepada pengawasan yang jelas. Ia merupakan langkah penting dalam memastikan hak dan kewangan pengguna dilindungi dengan lebih menyeluruh.



Apakah itu RUUKP 2025?

RUUKP 2025 bertujuan mengawal selia semua aktiviti pemberian kredit kepada pengguna, termasuk:

- Pinjaman peribadi dan kad kredit
- Kemudahan *BNPL*
- Pajakan (*leasing*), pemfaktoran (*factoring*)
- Pengurusan dan kutipan hutang

Sebelum ini, hanya bank dan institusi kewangan di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) yang tertakluk kepada kawalan ketat. Banyak syarikat kredit kecil atau penyedia perkhidmatan *BNPL* beroperasi tanpa pengawasan, menjadikan pengguna mudah terperangkap dengan kadar caj yang tinggi atau syarat yang berat sebelah.



Dengan penguatkuasaan RUUKP 2025, semua penyedia kredit perlu berdaftar dan mendapatkan lesen daripada Suruhanjaya Kredit Pengguna (SKP) — sebuah badan kawal selia baharu yang diwujudkan khas untuk tujuan ini.

Perlindungan baharu untuk pengguna

RUUKP 2025 bukan sekadar undang-undang teknikal. Ia membawa perubahan yang nyata kepada perlindungan kewangan pengguna. Berikut adalah antara perlindungan utama yang diperkenalkan:



Semua pemberi kredit perlu berlesen

Apabila Akta ini mula dilaksanakan kelak, semua syarikat kredit — termasuk penyedia perkhidmatan *BNPL* dan pemberi pinjaman bukan bank — wajib berlesen dan mematuhi piawaian operasi yang ditetapkan oleh SKP.

Manfaat: Anda boleh menyemak status syarikat sebelum berurusan. Ini membantu mengelakkan penipuan dan pinjaman yang tidak sah.

Ketelusan kadar caj dan faedah

Undang-undang ini mewajibkan setiap penyedia kredit menyatakan semua kadar caj, faedah dan penalti secara jelas kepada pengguna sebelum perjanjian ditandatangani.

Manfaat: Tiada lagi caj atau faedah 'tersembunyi' yang menyebabkan pengguna terkejut apabila membuat bayaran akhir.





Amalan kutipan hutang yang beretika

RUUKP 2025 juga memperkenalkan kod etika kutipan hutang — dilarang membuat sebarang bentuk ugutan, gangguan atau pendedahan maklumat peribadi kepada pihak ketiga.

Manfaat: Jika anda berdepan dengan ejen kutipan yang tidak beretika, anda kini mempunyai hak undang-undang untuk membuat aduan rasmi kepada SKP.



Proses aduan yang lebih mudah

Apabila SKP beroperasi sepenuhnya, pengguna boleh membuat aduan terus mengenai amalan kredit yang tidak adil atau kutipan hutang yang melampau.

Manfaat: Pertikaian boleh diselesaikan tanpa perlu melalui proses mahkamah yang panjang dan mahal.



Kawalan ke atas skim BNPL

RUUKP 2025 juga memberi perhatian kepada fenomena *BNPL* yang semakin popular dalam kalangan pengguna muda.

Manfaat: Penyedia perkhidmatan *BNPL* kini perlu menilai kemampuan kewangan pengguna sebelum meluluskan kemudahan bayaran ansuran — bagi mengelakkan hutang tidak terkawal.

Kesan kepada pengguna dan pasaran kewangan

Dari sudut ekonomi, RUUKP 2025 akan meningkatkan keyakinan pengguna terhadap sistem kredit negara. Pengguna akan lebih yakin untuk menggunakan kemudahan pinjaman apabila mengetahui hak mereka dilindungi.

Namun, dari sisi lain, peraturan baharu ini juga boleh menyebabkan:

- Penyedia kredit mengetatkan syarat kelulusan pinjaman.
- Kemungkinan sedikit kenaikan kos kredit untuk menampung keperluan pematuhan undang-undang.

Walau bagaimanapun, dalam jangka panjang, sistem yang lebih telus ini akan mengurangkan risiko pinjaman yang tidak beretika dan memastikan pasaran kewangan lebih sihat.



Apa yang pengguna boleh lakukan

Sebagai pengguna kewangan yang bijak, inilah masa untuk:



Menyemak semula perjanjian pinjaman anda — fahami kadar caj, tempoh dan penalti.



Berhati-hati dengan aplikasi pinjaman dalam talian — pastikan mereka berdaftar di bawah SKP.



Menggunakan kredit secara berhemat — jangan gunakan kemudahan BNPL atau kad kredit di luar kemampuan.



Menyimpan rekod pembayaran dan komunikasi dengan penyedia kredit — ini boleh dijadikan bukti jika berlaku pertikaian.



Merancang bajet bulanan anda dan memastikan agar ansuran tidak melebihi 40% daripada pendapatan tetap.

RUUKP 2025 ialah langkah besar ke arah mewujudkan ekosistem kredit yang adil, telus dan selamat untuk semua pengguna di Malaysia.

Undang-undang ini tidak hanya melindungi pengguna daripada amalan yang tidak adil, tetapi juga mendidik pengguna agar lebih berhati-hati dalam membuat keputusan kewangan.

Namun, undang-undang hanya berkesan jika pengguna juga memainkan peranan yang aktif — memahami hak pengguna, membuat keputusan yang bijak dan tidak terjebak dalam hutang yang melebihi kemampuan.

Dengan RUUKP 2025, kita kini berada di landasan baharu ke arah kewangan yang lebih bertanggungjawab dan beretika.



Impian Atau Beban? Fahami Kos Sebenar Memiliki Kereta Pertama

Setiap orang ada kereta impian — mungkin jenis yang bergaya atau praktikal, atau apa sahaja asalkan bukan kereta lama milik ayah (kalau anda tanya saya, Mazda 3 jenis *hatchback* menjadi pilihan hati). Memiliki kereta pertama selalunya membuatkan seseorang berasa teruja, seolah-olah satu peralihan penting dalam kehidupan dewasa.

Namun, impian itu bukan sahaja memerlukan belanja besar, tetapi juga komitmen kewangan yang berpanjangan. Berikut ialah beberapa faktor yang boleh dipertimbangkan untuk membantu anda menentukan sama ada waktu ini sesuai atau tidak untuk memiliki kereta pertama, dengan mengambil kira perancangan kewangan dan kos sebenar pemilikan.

Mengapa anda mahukan kereta?
Sebelum anda mula membandingkan

model atau menyemak pinjaman kereta, penting untuk anda memahami sebab sebenar anda mahu memiliki kereta.

- Adakah untuk berulang-alik ke tempat kerja kerana pengangkutan awam kurang praktikal?
- Adakah kerana orang lain sudah ada kereta sendiri?
- Adakah untuk memudahkan urusan keluarga dan tanggungjawab harian?
- Adakah sekadar mahukan keselesaan dan kebebasan bergerak?

Apabila anda jelas tentang keperluan sebenar, lebih mudah untuk membezakan antara kehendak dengan keperluan. Jika ia lebih kepada kehendak, mungkin pembelian boleh ditangguhkan dahulu dan anda boleh fokus pada keperluan lain yang lebih mendesak dalam perancangan kewangan anda.

Kos tersembunyi dalam pemilikan kereta

Setelah anda memahami sebab anda mahu memiliki kereta, langkah seterusnya ialah menilai kemampuan kewangan secara realistik. Harga di bilik pameran hanyalah sebahagian kecil daripada kos sebenar pemilikan sebuah kereta. Pemilikan kereta datang dengan pelbagai kos berterusan yang perlu diambil kira:



- Bayaran bulanan pinjaman: Kebanyakan pembeli kali pertama mengambil pinjaman sewa beli antara 7 hingga 9 tahun.
- Insurans kereta dan cukai jalan: Biasanya ia lebih tinggi untuk pemandu muda atau baharu dan bergantung kepada saiz kereta.
- Minyak, parkir dan tol: Kos kecil tetapi cepat meningkat.
- Servis dan penyelenggaraan: Ini termasuk tayar, servis berkala, bateri dan kerosakan yang tidak dijangka.

Sebagai panduan, cuba pastikan jumlah perbelanjaan berkaitan dengan kereta

tidak melebihi 10% atau 15% daripada pendapatan bulanan anda.

Kereta baharu memang ada tarikannya — serba moden, dilengkapi teknologi terkini serta mempunyai waranti daripada pengeluar. Namun begitu, harganya lebih tinggi dan nilainya mula susut sebaik sahaja keluar dari bilik pameran.

Sebaliknya, kereta terpakai yang dijaga dengan baik boleh menjadi pilihan yang lebih berbaloi. Harganya lebih rendah dan anda mungkin memperoleh model yang masih dalam keadaan baik dengan kos pemilikan yang lebih terkawal.

Sebelum membuat keputusan, pertimbangkan bajet anda, keperluan harian dan kos jangka panjang seperti penyelenggaraan serta insurans kereta. Kadangkala, kereta terpakai berusia 2 hingga 3 tahun sudah memadai untuk kegunaan harian dan harganya jauh lebih mampu milik.

Perbezaan antara membeli kereta **BAHARU** dan kereta **TERPAKAI**:



Jika saya membeli **kereta baharu...**



Jika saya membeli **kereta terpakai...**

Kos pembelian

Harga tinggi, dengan ansuran bulanan yang lebih besar

Ansuran bulanan lebih rendah atau mungkin boleh dibayar tanpa pinjaman

Susut nilai

Susut nilai cepat dalam 2-3 tahun pertama

Susut nilai lebih perlahan kerana kereta telah melalui fasa susut nilai terbesar

Kos penyelenggaraan

Penyelenggaraan rendah kerana kereta baru dilindungi waranti

Penyelenggaraan mungkin lebih tinggi tanpa waranti penuh

Perlindungan insurans

Premium insuran lebih tinggi kerana nilai kereta yang lebih tinggi

Premium insurans lebih rendah kerana nilai kereta yang lebih rendah

Kestabilan & ketahanan

Kereta baru kebiasaannya **lebih stabil dan kurang risiko kerosakan besar**

Perlu semak sejarah kenderaan untuk mengelakkan kos tersembunyi



PETUA

Sebaiknya gunakan kereta anda **selama mungkin selepas selesai membayar hutang**, supaya wang yang dahulunya digunakan untuk ansuran kereta dapat dijadikan simpanan

Perlu beli kereta sekarang atau ada pilihan lain?



Pengangkutan Awam

- Pas mampu milik
- Tiada stres parkir
- Rangkaian MRT/LRT terus berkembang



E-hailing & Perkongsian Kereta

- Bayar ikut perjalanan
- Fleksibel
- Tiada komitmen insurans atau pinjaman



Berbasikal atau Berjalan Kaki

- Sesuai untuk perjalanan pendek
- Mesra alam
- Gaya hidup sihat

Pilihan paling bijak ialah menangguhkan dahulu pembelian kereta, bergantung pada situasi dan keperluan individu. Jika tren, bas atau perkhidmatan *e-hailing* boleh membawa anda ke mana-mana destinasi dengan mudah, kereta mungkin menjadi kemudahan yang mahal. Tambahan pula, menjadi penumpang juga ada

kelebihannya, kerana anda tidak perlu mencari parkir, membayar tol atau risau tentang harga petrol.

Jika kebanyakan jawapan anda ialah “tidak”, mungkin lebih baik menangguhkan dahulu dan mempertimbangkan pilihan pengangkutan lain yang ada. Apa juga keputusan anda, yang penting ialah membuat pilihan yang sesuai dengan keadaan kewangan dan gaya hidup anda.


Memiliki kereta sendiri menjadikan seseorang berasa lebih bebas dan berdikari. Namun, ia juga datang bersama tanggungjawab yang perlu dipikul.

Kereta pertama anda boleh memudahkan kehidupan dan memberi lebih keselesaan, tetapi fikirkan semasak-masaknya sebelum membuat keputusan. Pastikan ia benar-benar sesuai dengan keperluan dan kemampuan anda, kerana apabila kunci sudah di tangan, kereta itu menjadi tanggungjawab anda sepenuhnya — sama ada dalam hal yang menyenangkan atau yang mencabar.

Senarai semak sebelum membeli

Adakah anda telah menyimpan sekurang-kurangnya 20% daripada harga kereta sebagai wang pendahuluan?

- Adakah bayaran bulanan kekal di bawah 15% daripada pendapatan?
- Adakah anda bersedia untuk menanggung kos insurans kereta, parkir dan tol?
- Adakah anda benar-benar memerlukan kereta atau masih boleh bergantung pada pengangkutan awam?



Perangkap “Rawatan Percuma”: Apabila Promosi Kecantikan Menjadi Perangkap Kewangan

Dalam era media sosial, tawaran iklan “*free trial slimming*”, “*facial RM1*” atau “*baucar spa percuma*” seolah-olah peluang keemasan kepada pengguna untuk mencuba rawatan tanpa melibatkan kos kewangan. Namun, di sebalik janji manis itu, semakin ramai pengguna tampil membuat aduan mengenai modus operandi ‘Rawatan Percuma’. Menurut Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional

(NCCC), aduan terhadap pusat perkhidmatan kesejahteraan (*wellness*) dan kecantikan meningkat lebih 30% pada tahun 2025, dengan sebahagian besar melibatkan pengguna yang diperdaya melalui promosi percuma atau diskaun besar-besaran. Ia bukan sahaja melibatkan golongan wanita berumur bawah 40 tahun, malahan golongan warga emas turut terperdaya dengan perkhidmatan tersebut.




Aduan Kes 1: “Percuma” yang berakhir dengan hutang RM880

Kes paling ketara melibatkan pengadu bernama Salina (bukan nama sebenar), berumur 35 tahun, yang hadir ke sebuah pusat kecantikan dan pelangsingan wanita pada 8 Oktober 2025 selepas menerima tawaran “*free trial slimming treatment*” melalui WhatsApp.

Namun, sebaik tiba untuk mendapatkan rawatan tersebut, pekerja telah memaksa beliau membeli pakej rawatan bernilai RM880 (10 sesi) walaupun beliau berulang kali menolak dengan alasan tidak berpendapatan tetap.

Lebih menakutkan, pekerja berkenaan memaksa Salina membuat bayaran menggunakan kaedah *Buy Now Pay Later (BNPL)* dengan mengambil telefon beliau dan memproses bayaran melalui *Shopee PayLater* tanpa penjelasan lanjut. Tiada resit diberikan dan rawatan pertama pula berbeza daripada yang dijanjikan.

Beliau kini menuntut pemulangan wang RM880 serta telah memfailkan laporan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

**Aduan Kes 2: “Facial RM10” bertukar menjadi RM1,200**

Seorang pengadu melaporkan kepada NCCC bahawa beliau dijemput untuk mencuba “pembersihan wajah percuma” dengan caj minimum RM10. Namun, beberapa hari selepas mendapatkan rawatan tersebut, beliau hadir semula ke pusat kecantikan berkenaan. Beliau mendakwa bahawa kulitnya “rosak teruk” dan pekerja meminta beliau segera membeli pakej rawatan khas bernilai RM1,200 bagi mengelak parut kekal.

Walaupun beliau enggan, pekerja tetap memujuk dan memberi diskaun dengan mendakwa “harga promosi sah untuk hari ini sahaja”. Pengadu akhirnya bersetuju membuat bayaran menggunakan kad debit, tetapi hanya menerima resit bertulis tangan tanpa maklumat syarikat. Untuk makluman, aduan kes ini tergolong di bawah kategori amalan perdagangan mengelirukan mengikut Akta Perlindungan Pengguna 1999 (APP 1999).



Aduan Kes 3: “Hadiah Cabutan Bertuah Berupa Pakej Spa” — Syarat tersembunyi melalui saluran bayaran ansuran

Seorang pengguna melaporkan menerima panggilan telefon yang menyatakan beliau “terpilih” untuk cabutan bertuah berupa rawatan spa percuma.

Semasa hadir ke premis pusat perkhidmatan berkenaan, beliau diminta menandatangani borang untuk “pengaktifan pakej hadiah” yang sebenarnya kontrak tersembunyi mengenai pembelian ansuran bernilai RM2,400, dan perlu dibayar melalui kaedah *BNPL*.

Apabila beliau cuba membatalkan kontrak, pihak spa menolak dengan alasan “sistem telah aktif”. Akhirnya, pengguna terpaksa menanggung bayaran ansuran selama enam bulan tanpa pernah menggunakan perkhidmatan tersebut.



Mengapa promosi percuma mudah menjerat pengguna

Kebanyakan kes sebegini menggunakan teknik tekanan psikologi (*psychological pressure selling*) untuk mendesak pelanggan membuat keputusan segera. Ayat-ayat yang biasa digunakan termasuk:

- **Promosi hari ini sahaja** menimbulkan rasa takut terlepas tawaran.
- **Hanya bayar deposit kecil** sebenarnya pintu masuk kepada komitmen besar.

- **Tandatangan dahulu, boleh batal kemudian** padahal dokumen selalunya sah dari segi undang-undang sebaik ditandatangani dan sukar dibatalkan.
- **Beli untuk kebaikan diri** memanipulasi emosi supaya pelanggan rasa bersalah jika menolak.

Kesemua elemen ini menjadikan pengguna, khususnya golongan wanita dan pekerja baharu, sasaran mudah bagi jualan manipulatif. Beberapa aduan terkini turut menunjukkan trend baharu: pusat kesejahteraan dan kecantikan menggunakan kemudahan *BNPL* bagi memudahkan pelanggan berhutang.

Walaupun konsep *BNPL* sah dan mudah, masalah timbul apabila ia digunakan tanpa kebenaran yang jelas atau penjelasan penuh. Kelewatan bayaran *BNPL* boleh menjejaskan skor kredit (*CCRIS*) dan caj lewat bayar boleh meningkat sehingga 2–3% sebulan.

Tindakan yang boleh diambil

Jika anda menjadi mangsa amalan jualan paksaan atau pembelian tanpa kerelaan, langkah-langkah berikut boleh diambil:

- Kumpul bukti seperti resit, mesej, tangkap layar atau rakaman suara.
- Laporkan kepada NCCC di www.nccc.org.my.
- Failkan aduan rasmi kepada KPDN melalui portal <https://eaduan.kpdn.gov.my/>.
- Bawa kes ke TTPM untuk menuntut pemulangan wang sehingga RM50,000.
- Berhati-hati dengan “resit tidak rasmi” atau “urusan lisan” kerana sukar dijadikan bukti tuntutan.



Bijak kewangan, bijak membuat keputusan

Kesejahteraan dan kecantikan diri ialah pilihan peribadi, tetapi keputusan kewangan perlu dibuat berdasarkan fakta, bukan emosi.

Sebelum menerima sebarang tawaran, tanya diri sendiri tiga soalan mudah:

- Adakah saya benar-benar faham apa yang saya tandatangani?
- Adakah ini keperluan atau sekadar keinginan?
- Adakah saya mampu membayar jika promosi ini tidak seperti yang dijanjikan?



Kesimpulannya, jadilah pengguna yang celik maklumat. Jangan mudah percaya pada iklan dan jangan takut untuk berkata “tidak” kerana dalam dunia pemasaran hari ini, kebijaksanaan kewangan ialah kecantikan sebenar.

Sila layari www.nccc.org.my dan klik E-ADUAN untuk membuat sebarang aduan. Pengguna juga boleh menghubungi NCCC di talian 03-7877 1076.

Siri BUDI

Naskhah yang menjadi panduan dalam membina ketahanan kewangan sepanjang kitaran kehidupan.




Tunas Padi (Hijau Muda)

Pengajian
Tinggi/Belia
(Membina asas
kewangan)



Padi Subur (Hijau Tua)

Kemuncak Kerjaya
(Memaksimumkan
potensi
pendapatan)



Padi Berisi (Perang)

Membina Keluarga
(Pengurusan
sumber
dan dana)



Padi Masak (Kuning Emas)

Persaraan
(Menikmati hasil
usaha dan
kebijaksanaan)

Imbas kod QR
untuk pembelian
dalam talian

